

Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Kesembilan

**TITAH KEBAWAH DYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI OMAR
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN**

**PADA UPACARA SOVEREIGN'S PARADE SEKOLAH PEGAWAI KADET
AKADEMI PERTAHANAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PENGAMBILAN KESEMBILAN**

**DI PADANG KAWAD, SEKOLAH PEGAWAI KADET, AKADEMI PERTAHANAN
ABDB, PERKHEMAHAN SUNGAI AKAR**

Beta terlebih dahulu merafakkan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala serta juga dengan ikhlas mengucapkan syabas dan tahniah diatas pertunjukan perbarisan yang cukup baik, rapi dan bersemangat tinggi sebentar tadi.

Dengan izin dan limpah rahmat Allah jua, dapatlah kita pada pagi ini bersama-sama bagi upacara Sovereign's parade pengambilan kesembilan Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Berseniata Diraja Brunei (ABDB).

Beta turut berbesar hati dan bangga kerana seramai 26 pegawai-pegawai kadet telah menyahut cabaran memasuki kerjaya tentera dan sehingga ke saat ini telah membuktikan kesungguhan mereka untuk 'melepassi' segala ujian. Syabas dan tahniah juga kepada semua pegawai kadet pengambilan ke sembilan yang akan ditauliahkan sebagai pegawai Tentera dalam ABDB.

Pencapaian ini tidak syak lagi adalah sangat besar ertiinya kepada masa depan bangsa dan bagi kesinambungan pertahanan dan keselamatan negara. Penghargaan dan pujian patut diberikan kepada Sekolah Pegawai Kadet terutama kepada Komander, Pegawai-pegawai staff serta 'color sarjan' atas usaha mereka yang gigih dan tidak mengenal letih selama 42 minggu untuk menjalani dan melaksanaran program dan latihan dengan jaya.

Sovereign's Parade adalah garis penamat atau acara kemuncak dalam medan latihan tentera. Hari ini adalah detik bersejarah yang juga wajar untuk sama-sama dikenang dan dibanggakan oleh para ibu bapa dan keluarga, siapa yang bertanggungjawab mengasuh dan membesarkan anak-anak sehingga dewasa dan kini mereka itu adalah wira negara.

Para ibubapa dan penjaga patut mensyukuri pencapaian kerana pegawai-pegawai kadet adalah barisan pelapis yang bakal memegang teraju kepimpinan selaku pegawai tentera dalam ABDB. Pencapaian pegawai-pegawai kadet wajar disyukuri kerana latihan intensif selama 42minggu membawa kesan yang besar dan mendalam sehingga mampu merubah sifat dan keperibadian pegawai menjadi rebih bertanggungjawab.

Melalui latihan, mereka ini terah disiapkan dengan kewaspadaan menghadapi cabaran dan begitu juga dengan keperkasaan diri selaku wira. Beta yakin pegawai-pegawai kadet dapat disifatkan sebagai antara kumpulan remaja terbaik yang berkariber tinggi, yang telah bersedia untuk memikur tanggungjawab besar selaku pemuda harapan bangsa dan pemudi

tiang negara.

Beta berharap segala kualiti dan nilai jati diri yang diperolehi daripada latihan akan terus dipelihara dengan sebaiknya, diglap dan dipertahankan, bukan dibiarkan kabur dan dicemari oleh tingkah laku buruk yang boleh mencacatkan imej institusi ABDB.

Dikesempatan ini, Beta ingin mengalu-alukan 26 orang pegawai kadet pengambilan kesepuluh yang menyertai perbarisan. Beta sangat menghargai kecenderungan dan semangat patriotik yang mereka tunjukkan. Jadilah patriot sejati, jangan undur dan jangan kendur semasa menjarali latihan sehingga ke penghujungnya.

Perlu disebut disini bahawa Sekolah Pegawai Kadet adalah berperanan untuk memastikan kualiti pegawai kadet itu sentiasa relevan dan sejaier dengan perkembangan struktur organiasasi Angkatan-angkatan Tentera.

Ke arah ini, sekolah Pegawai Kadet hendaklah peka dengan perkembangan-perkembangan semasa baik didalam maupun di luar negara. Dalam masa yang sama, langkah-langkah pengesahan atau 'external validation' juga perlu dibuat untuk menggalakkan pihak sekolah menjana perubahan secara progresif.

alam masa yang terdekat, semua pegawai kadet akan menerima watikah perlantikan sebagai pegawai bertaulia. Watikah perlantikan ini hendaklah dilihat sebagai amanah dan kewajipan bagi setiap diri pegawai untuk mengutamakan nilai-nilai kepimpinan, ketaat setiaan, keberanian dan keberkelaruan baik.

Setiap pegawai tentera dikehendaki untuk menjalankan tugas dan bertanggungjawab dengan teliti dan rajin disamping memelihara tatatertib mengikut lunas-lunas perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, dan dengan lafadz Bismillahirrahman Nirrahim, Beta sukcita mengurniakan tauliah sebagai pegawai tentera didalam ABDB kepada 25 orang pegawai kadet pengambilan kesembilan.

Sekian.